

Perbandingan Pemikiran Pasca Islamisme dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR)

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 164-177
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 28 September 2024
Accepted: 13 October 2024
Published: 11 November 2024

[Comparative Study of Post Islamism Thought in Parti Islam Se-Malaysia (PAS) and Parti Keadilan Rakyat (PKR)]

Mohd Khairil Fitri Diman¹ & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria^{1*}

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: p131484@siswa.ukm.edu.my; aufaa@ukm.edu.my

*Corresponding Author: aufaa@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang perbandingan pemikiran pasca-Islamisme dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang menonjolkan perbezaan mendalam dalam pendekatan kedua-dua parti terhadap integrasi nilai-nilai Islam dalam politik Malaysia moden. PAS asalnya berpaksikan Islamisme tradisional telah mengalami evolusi ke arah lebih pragmatik dengan menekankan konsep “negara berkeadilan” serta interpretasi yang lebih fleksibel terhadap undang-undang syariah. Sebaliknya, PKR sejak awal penubuhannya mengutamakan prinsip *universal* dengan pengaruh Islam tanpa mengisytiharkan parti mereka sebagai parti Islam, sambil berusaha untuk menyeimbangkan kepentingan masyarakat pelbagai agama dan etnik. Pendekatan pasca-Islamisme yang diambil oleh kedua-dua parti mencerminkan dinamik perubahan dalam politik Malaysia di mana nilai-nilai Islam disepadukan dengan prinsip demokrasi dan hak asasi manusia, membentuk politik yang lebih inklusif dan responsif. Bentuk kajian yang digunakan adalah berpandukan reka bentuk kajian kualitatif analisis tema dan analisis perbandingan. Selain itu, kajian ini juga membincangkan sejarah kemunculan pasca Islamisme, sejarah penubuhan PAS dan PKR, pemikiran serta analisis perbandingan pemikiran pasca Islamisme antara PAS dan PKR. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat ciri-ciri pasca Islamisme dalam kedua-dua parti namun pendekatan yang dibawa oleh kedua-dua parti adalah berbeza. Perbezaan ini mencerminkan kepelbagaian dalam interpretasi dan aplikasi pemikiran pasca-Islamisme dalam konteks politik Malaysia.

Kata kunci: pasca Islamisme, PAS, PKR, pemikiran, *universal*.

Abstract

This study discusses the comparison of post-Islamist thought within the Parti Islam Se-Malaysia (PAS) and Parti Keadilan Rakyat (PKR), highlighting significant differences in the approaches of both parties towards integrating Islamic values into modern Malaysian politics. PAS, originally rooted in traditional Islamism, has evolved towards a more pragmatic stance by emphasizing the concept of a “negara berkeadilan” and adopting a more flexible interpretation of Sharia law. In contrast, PKR, since its establishment, has prioritized universal principles with Islamic influence without explicitly declaring itself an Islamic party, while striving to balance the interests of a multi-religious and multi-ethnic society. The post-Islamist approaches taken by both parties reflect the dynamic changes in Malaysian politics, where Islamic values are integrated with democratic principles and human rights, forming a more inclusive and responsive political framework. The research adopts a qualitative design by

thematic and comparative analysis. In addition, this study discusses the history of post-Islamism's emergence, the establishment of PAS and PKR, their ideological perspectives, and a comparative analysis of post-Islamism thought between PAS and PKR. The findings of this study reveal that both parties exhibit post-Islamism characteristics, but their approaches differ significantly. These differences reflect the diversity in interpretation and application of post-Islamism thought within the Malaysian political context.

Keywords: post-Islamism, PAS, PKR, thought, *universal*.

Cite This Article:

Mohd Khairil Fitri Diman¹ & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2024). Perbandingan Pemikiran Pasca Islamisme dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) [Comparative Study of Post Islamism Thought in Parti Islam Se-Malaysia (PAS) and Parti Keadilan Rakyat (PKR)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 164-177.

Pengenalan

Pasca Islamisme merupakan satu konsep yang merujuk kepada perubahan dan evolusi pemikiran politik yang berasaskan Islam setelah era kegemilangan Islamisme. Istilah ini diperkenalkan untuk menggambarkan fasa baru dalam politik Islam di mana terdapat penyesuaian terhadap realiti sosial, politik, dan ekonomi semasa. Pasca Islamisme menekankan pendekatan yang lebih inklusif, pluralistik, dan pragmatik, berbanding dengan pendekatan tradisional Islamisme yang lebih dogmatik dan tegas dalam pelaksanaan undang-undang syariah.

Sejarah perkembangan konsep pasca Islamisme bermula pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21, terutamanya selepas Revolusi Iran pada tahun 1979. Revolusi ini menandakan kemuncak gerakan Islamisme di mana Islam dilihat sebagai ideologi utama dalam pentadbiran negara (Wan Ahmad Fahmi 2017). Namun, pengalaman pemerintahan Islam di Iran dan negara-negara lain yang mengamalkan Islamisme telah menunjukkan bahawa pendekatan ini mempunyai kekurangan dan cabaran tersendiri. Akibatnya, muncul satu pemikiran baru yang dikenali sebagai pasca Islamisme yang berusaha untuk mengharmonikan nilai-nilai Islam dengan prinsip-prinsip demokrasi, hak asasi manusia, dan pembangunan moden.

Dalam konteks politik Malaysia, konsep pasca Islamisme menjadi relevan apabila parti-parti politik seperti Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) mula mengadaptasi pendekatan yang lebih fleksibel dan inklusif. PAS yang pada asalnya berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Islamisme telah menunjukkan perubahan ke arah pasca Islamisme dengan menekankan konsep “negara berkeadilan” dan interpretasi yang lebih pragmatik terhadap undang-undang syariah. Manakala PKR sejak penubuhannya telah menekankan prinsip-prinsip *universal* dengan pengaruh Islam tanpa menjadi parti Islam secara eksplisit. Kedua-dua parti ini mencerminkan peralihan pemikiran politik Islam di Malaysia di mana nilai-nilai Islam digabungkan dengan prinsip-prinsip demokrasi dan hak asasi manusia untuk mencipta satu bentuk politik yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat pelbagai etnik dan agama di negara ini.

Metodologi Kajian

Metodologi penyelidikan adalah satu rangka kerja menyeluruh yang menerangkan cara sesuatu kajian dijalankan untuk mendapatkan data yang tepat atau mendekati ketepatan serta menghasilkan dapatan kajian yang berkualiti. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis tema dan analisis perbandingan. Data dikumpulkan melalui kajian literatur yang merangkumi dokumen seperti buku, artikel, jurnal, ucapan, dan manifesto parti yang berkaitan dengan pemikiran pasca-Islamisme dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Analisis tema digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis isu-isu utama serta perbezaan dalam pemikiran pasca-Islamisme kedua-dua parti. Analisis perbandingan dilakukan bagi membandingkan pendekatan PAS dan PKR terhadap konsep pasca Islamisme serta dasar dan tindakan yang mempengaruhi politik mereka. Teknik pengumpulan data melibatkan kajian perpustakaan dan analisis dokumen bagi meneliti kandungan literatur.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Sejarah Kemunculan Pasca Islamisme

Akar Pasca-Islamisme sebenarnya bermula pasca Revolusi Iran 1979. Penerapannya di awal dekad 1980-an masih dianggap baharu dan belum diperincikan secara komprehensif oleh mana-mana pakar. Secara ringkasnya, Pasca-Islamisme pada peringkat permulaan masih belum diamalkan oleh pergerakan-pergerakan Islam global, kehadirannya hanya dalam bentuk konsep dan bukan pelaksanaan. Definisi Pasca-Islamisme muncul setelah diperkenalkan oleh Asef Bayat, seorang Profesor Sosiologi dari Universiti Illinois, Amerika Syarikat. Beliau telah mengkaji evolusi pergerakan Islam ini sejak kejatuhan Empayar Uthmaniyah sehingga berlakunya Revolusi Iran 1979, lalu menyimpulkan bahawa pergerakan Islam kini menghadapi era baharu (Pasca-Islamisme) (Wan Ahmad Fahmi 2017).

Asef Bayat (2013) menggariskan tiga faktor utama yang mendorong kemunculan Pasca-Islamisme. Pertama, konflik ideologi dan ketidakupayaan Islamis melaksanakan Islamisme memerlukan penilaian semula. Kedua, transformasi sosial seperti peningkatan literasi, urbanisasi pesat, dan perubahan ekonomi global. Keadaan ini melahirkan lebih ramai golongan terpelajar kelas menengah, peningkatan kaum wanita celik huruf dan kesedaran akan kepentingan urbanisasi, yang akhirnya menuntut perubahan sosial dan politik. Ketiga, Pasca-Islamisme juga teretus akibat perubahan global pasca "*Perang Dingin*" (Asef Bayat. 2013: 55).

Selepas Perang Dingin, negara-negara Islam diterajui oleh elit sekular, kapitalis, dan pemerintah autokratik melalui sistem demokrasi, republik dan autokrasi. Akibatnya, pembangunan ekonomi terpaksa merujuk kepada model Barat, menjadikan politik sebagai alat utama dalam membentuk paradigma baru kehidupan Muslim. Gerakan Islam yang cuba menawarkan alternatif dalam membangunkan sosio-ekonomi umat Islam gagal kerana kekurangan pendekatan yang sesuai dalam menghadapi arus globalisasi semasa.

Asef Bayat (2013) turut menjelaskan bahawa pembentukan Pasca-Islamisme bermula dengan perubahan drastik pada awal 1980-an yang melahirkan tokoh-tokoh berpendidikan berpengaruh dalam masyarakat seperti golongan kelas menengah, belia, dan wanita yang membawa aspirasi penting ke arah pembaharuan sosial dan politik. Peningkatan kadar celik huruf terutamanya dalam kalangan generasi muda merupakan faktor kritikal yang telah membentuk generasi tersebut dalam konteks masyarakat moden. Fenomena ini dibuktikan dengan pertambahan populasi pelajar, penambahan institusi pengajian tinggi dan peningkatan graduan termasuk wanita muda.

Peningkatan golongan intelektual telah memacu proses urbanisasi dalam masyarakat. Data menunjukkan bahawa pada 1996, 60% penduduk Iran telah berpindah ke kawasan bandar. Urbanisasi ini membawa budaya baru seperti individualisme, gaya hidup moden dan pengaruh media massa. Proses ini turut merebak ke luar bandar, mengubah struktur pekerjaan, sistem pembahagian kerja dan kadar literasi. Hal ini membentuk norma baru dalam sistem kekeluargaan dan sosial, di mana amalan agama dan budaya tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat bandar.

Urbanisasi bukan sahaja mengubah sistem sosial, tetapi juga meningkatkan peluang pekerjaan. Dari 1976 hingga 1996, jumlah pekerjaan meningkat sebanyak 37%. Secara umumnya, pertambahan peluang kerja ini meningkatkan kebergantungan kepada sistem ekonomi. Akibatnya, pada pertengahan 1990-an, terbentuk fasa baru dengan sistem ekonomi berbeza, gaya hidup baru, pendidikan, dan kemerosotan moral yang memerlukan pendekatan baru (Pasca-Islamisme) untuk menanganinya (Asef Bayat 2013: 58-59).

Pada 1995, Asef Bayat menulis artikel bertajuk "*The Coming of Post-Islamist Society*" yang diterbitkan pada 1996, membahaskan kemunculan fasa baru dalam gerakan Islam global yang dikenali sebagai Pasca-Islamisme. Tulisan ini merupakan pengenalan kepada istilah Pasca-Islamisme dalam gerakan Islam. Perkembangan ini membuka ruang perbahasan dan interpretasi baru dalam aktivisme Islam. Kini, politik Muslim global menghadapi fasa yang berbeza daripada sebelumnya. Impak Revolusi Iran telah merangsang pergerakan serupa di negara-negara Islam lain. Pengalaman Iran menjadi model yang mempengaruhi ideologi gerakan Islam sedunia. Kesedaran tentang pendekatan baru dalam gerakan Islam ini mendorong kajian mendalam oleh ramai penganalisis dan pemikir politik.

Jadual 1: Perbezaan Fasa Islamisme dan Fasa Pasca Islamisme

Perkara	Fasa Islamisme	Fasa Pasca Islamisme
Negara Islam	Konsep negara Islam secara simbolisme dan utopia	Konsep negara Madani yang berpaksikan praktis
	Pelaksanaan negara Islam tanpa penyertaan dalam pilihan raya	Pelaksanaan cita-cita negara Islam melalui jalan demokrasi dan pilihan raya
Pelaksanaan Undang-Undang	Wajib dilaksanakan	Tidak relevan pelaksanaan undang-undang hudud

Islam (Hudud)

	Pelaksanaan Undang-undang Islam melalui tekstual agama	Hukum Syariah Islam ditafsirkan mengikut perspektif individu
Kerjasama Antara Orang Bukan Islam (<i>Tahaluf Siyasi</i>)	Menolak kerjasama antara orang bukan Islam	Menerima kerjasama antara orang bukan Islam
	Berpandangan negatif terhadap <i>Tahaluf Siyasi</i>	Berpandangan positif atas tujuan perolehan kuasa pemerintahan
Sifat Gerakan Islam	Radikal Fundamentalis	Toleran dan <i>moderate</i> Modernisme
	Menolak demokrasi Retorik	Menerima demokrasi Nilai Praktis
	Kurang memberi penekanan kepada urusan tadbir negara sebaliknya fokus kepada matlamat negara Islam	Keadilan sosial dan pengurusan pemerintahan yang baik

Sumber: Wan Ahmad Fahmi (2018)

Sejarah Penubuhan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan satu-satunya parti politik yang meletakkan nama agama iaitu Islam di Malaysia. Secara amnya, penubuhan PAS adalah bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat dan pemerintahan yang melaksanakan nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah SWT di Malaysia. Pada dasarnya parti ini diasaskan oleh sekumpulan alim ulama dan masyarakat Islam atau Melayu yang ingin mempertahankan kesucian agama Islam dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Pada peringkat awal penubuhan, PAS dilihat sebagai sebuah parti Melayu yang memperjuangkan hal ehwal Islam melebihi apa yang dilaksanakan parti-parti lain. Namun begitu, semangat perjuangan yang berteraskan kepada Islam di negara ini sebenarnya telah pun wujud sejak awal 1900-an. Kejatuhan khalifah Islam yang terakhir pada tahun 1924 di Turki telah membangkitkan kesedaran umat Islam di seluruh dunia untuk membina kembali kegemilangan pemerintahan Islam (Hasyim 1993). Semangat perjuangan ini kemudiannya dibawa oleh pelajar-pelajar Melayu yang mendapat pendidikan Islam di luar negara. Mereka termasuklah Syed Sheikh al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Mohd Taha yang berpusat di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Pelajar-pelajar ini terpengaruh dengan gerakan-gerakan Islam seperti Ikhwan Muslimin di Mesir, Masyumi di Indonesia, Jamaat Islami di Pakistan dan lain-lain (Fadli Ghani 2019).

Pada 24 Mac 1947, terjadi penubuhan Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA), yang merupakan peristiwa penting dalam perkembangan gerakan Islam di Tanah Melayu. Sebagai lanjutan daripada inisiatif tersebut, pada 14 Mac 1948, terbentuklah Hizbul Muslimin, sebuah parti politik Islam yang pertama di Tanah Melayu. Kedua-dua institusi ini merupakan manifestasi daripada usaha gigih dan dedikasi Dr Burhanuddin al-Helmy dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang menjadikan Maahad Ihya as-Syarif di Gunung Semanggol, Perak sebagai pusat aktiviti mereka. Walau bagaimanapun, Hizbul Muslimin terganggu apabila British mengharamkan parti tersebut berikutan penguatkuasaan Ordinan Darurat pada Jun 1948.

Pada tahun 1950, beberapa tokoh Hizbul Muslimin telah menyertai parti United Malays National Organisation (UMNO). Salah seorang lepasan Maahad Ihya as-Syariff iaitu Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan telah dilantik untuk mengetuai Bahagian Agama UMNO, Tanah Melayu. Bahagian Agama UMNO telah mengadakan beberapa kali persidangan Alim Ulama untuk menubuhkan sebuah Parti Islam Se-Tanah Melayu. Akhirnya PAS telah ditubuhkan pada 24 November 1951 di Kelab Melayu Bagan, Butterworth, Pulau Pinang. Kemudian, bertukar ganti nama sehinggalah dikenali sebagai Parti Islam Se-Malaysia dan didaftarkan sebagai parti politik di Malaysia pada 31 Mei 1955 (Nabir Abdullah, 1976).

Sejak penubuhan PAS, seramai tujuh orang Presiden PAS atau Yang Di Pertua menjadi pemimpin yang dikenali sehingga ke hari ini dimulai dengan Ustaz Haji Ahmad Fuad Hassan pada tahun 1951 sehingga 1953, Dr Haji Abbas Alias pada tahun 1953-1956, Dr Burhanuddin al-Helmy pada tahun 1956-1969, Datuk Mohd Asri Muda 1969-1982, Tuan Guru Haji Yusof Rawa 1982-1988, Dato' Fadzil Mohd Noor 1988- 2002 dan Tuan Guru Datuk Seri Haji Abdul Hadi Awang sejak 2002 sehingga sekarang (Fuad et.al 2020).

Perkembangan Pemikiran PAS dari Islamisme ke Pasca Islamisme

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah mengalami evolusi pemikiran yang signifikan sejak penubuhannya pada tahun 1951. Perjalanan ideologi parti ini boleh dilihat sebagai satu transisi dari pemikiran Islamisme tradisional ke arah pendekatan yang lebih pragmatik dan inklusif yang boleh dikategorikan sebagai Pasca-Islamisme. Pada awal penubuhannya, PAS mengamalkan ideologi Islamisme yang ketat. Parti ini memperjuangkan penubuhan negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Syariah secara menyeluruh di Malaysia. Pendekatan ini sering dilihat sebagai eksklusif dan kurang berkompromi dengan realiti masyarakat majmuk Malaysia.

Namun, bermula dari tahun 1980-an, PAS mula menunjukkan tanda-tanda peralihan ke arah Pasca Islamisme. Perubahan ini dapat dilihat melalui beberapa aspek seperti pendekatan Politik. Pertama sekali, tanda-tanda peralihan awal ke arah Pasca Islamisme adalah kerjasama PAS dengan parti politik yang lain. *Tahaluf Siyasi* atau kerjasama politik adalah pakatan khusus dengan non-Muslim untuk kepentingan bersama dengan kesepakatan untuk melakukan kebaikan, mempertahankan kebenaran serta menentang kezaliman (Faisal et.al 2020). Manakala, menurut Muhammad Faiz & Wan Fariza (2015) *tahaluf* merupakan antara cara yang menarik bagi menjayakan pengurusan politik dalam negara yang berbilang kaum dan agama. Pada tahun 1998, PAS telah bekerjasama dengan parti-parti pembangkang lain dalam Barisan Alternatif, menandakan permulaan era kerjasama politik. Kemudian pembentukan Pakatan

Rakyat pada tahun 2008, PAS menunjukkan kesediaan untuk merentasi sempadan ideologi tradisionalnya. Kerjasama ini bukan sahaja melibatkan parti-parti bukan Islam seperti DAP dan PKR, tetapi juga mencerminkan perubahan pendekatan PAS terhadap politik Malaysia yang lebih inklusif. Pakatan Rakyat telah dibubarkan pada tahun 2015. Kemudian, PAS terus menunjukkan keterbukaan untuk bekerjasama seperti yang dilihat dalam penyertaannya dalam Pakatan Harapan pada pilihan raya 2018 walaupun kerjasama itu tidak bertahan lama. Pada tahun 2019, PAS membentuk kerjasama dengan UMNO melalui Muafakat Nasional dan menyertai Perikatan Nasional. Kerjasama-kerjasama ini bukan sahaja membolehkan PAS memperluas pengaruhnya di luar kawasan tradisionalnya tetapi juga memaksa parti ini untuk mengimbangi ideologi Islamnya dengan keperluan politik pragmatik (Mohd Izani 2017). Ini termasuk perbincangan dan kompromi dalam isu-isu sensitif seperti pelaksanaan undang-undang Syariah dan hak-hak kaum minoriti. Walaupun kerjasama ini sering menghadapi cabaran dan kritikan dari dalam dan luar parti, PAS tetap bersedia untuk beradaptasi dengan realiti politik Malaysia yang kompleks dan kepelbagaian masyarakatnya.

Selain itu, tanda-tanda peralihan awal ke arah Pasca Islamisme adalah evolusi retorik dan wacana PAS menunjukkan perubahan yang ketara dalam pendekatan parti terhadap isu-isu nasional dan global. Dari fokus awal yang eksklusif terhadap penubuhan negara Islam secara literal, PAS kini memperluas wacananya untuk merangkumi konsep “negara berkeadilan”, menekankan Maqasid Syariah dan keadilan sosial. Parti ini semakin aktif membincangkan isu-isu seperti jurang pendapatan, kemiskinan, dan pembangunan ekonomi yang mampan, mengintegrasikan prinsip-prinsip Islam dengan strategi pembangunan moden. PAS juga memberi penekanan lebih kepada tadbir urus yang baik, integriti, dan ketelusan dalam pentadbiran sambil mengaitkannya dengan ajaran Islam. Wacana parti kini turut merangkumi isu-isu kontemporari seperti penjagaan alam sekitar, hak asasi manusia, teknologi, dan pendidikan holistik. Pendekatan yang lebih inklusif ini mencerminkan usaha PAS untuk berkomunikasi dengan audiens yang lebih luas dan pelbagai mengimbangi nilai-nilai tradisional Islam dengan keperluan masyarakat moden sambil tetap mengekalkan identiti Islamnya. Perubahan-perubahan ini menunjukkan evolusi PAS dalam usahanya untuk kekal relevan dalam landskap politik Malaysia yang sentiasa berubah, mencerminkan kesedaran parti terhadap keperluan untuk mengadaptasi retoriknya sesuai dengan realiti semasa tanpa mengorbankan prinsip-prinsip dasarnya.

Seterusnya, tanda-tanda peralihan awal ke arah Pasca Islamisme adalah penyertaan aktif PAS dalam sistem demokrasi Malaysia menandakan satu perubahan signifikan dalam pendekatan parti ini terhadap politik nasional. Sejak penubuhannya, PAS telah mengalami evolusi yang ketara dalam cara berinteraksi dengan sistem demokrasi berparlimen negara. Pada peringkat awal, walaupun PAS menyertai pilihan raya, terdapat ketegangan antara idealisme parti untuk mewujudkan negara Islam dan realiti sistem politik sedia ada. Namun, seiring dengan masa, PAS semakin mengadaptasi strateginya untuk beroperasi secara efektif dalam kerangka demokrasi Malaysia. Penyertaan PAS dalam pilihan raya umum telah menjadi semakin kompleks. Parti ini bukan sahaja bertanding di kawasan-kawasan tradisionalnya di utara dan timur Semenanjung Malaysia, tetapi juga mula meluaskan pengaruhnya ke kawasan-kawasan baru. Strategi kempen PAS juga telah berevolusi, menggabungkan retorik Islam dengan isu-isu semasa yang lebih luas seperti ekonomi, pendidikan, dan kebajikan sosial. Ini

menunjukkan kefahaman parti terhadap keperluan untuk menarik pelbagai lapisan pengundi dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Di peringkat parlimen, wakil-wakil PAS telah menunjukkan penglibatan yang semakin aktif dan konstruktif dalam perbincangan. Mereka bukan sahaja membangkitkan isu-isu berkaitan Islam, tetapi juga terlibat dalam perbincangan mengenai dasar-dasar nasional, ekonomi, dan hal ehwal antarabangsa. Penglibatan ini menunjukkan kesediaan PAS untuk menggunakan platform parlimen bukan sahaja untuk memperjuangkan agenda Islamnya, tetapi juga untuk menyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhan. PAS juga telah menunjukkan keupayaan untuk memegang jawatan pentadbiran di peringkat negeri dan kebangsaan. Pengalaman mentadbir negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, dan Kedah telah memberikan PAS peluang untuk menterjemahkan ideologi mereka ke dalam dasar-dasar konkrit. Ini termasuk usaha untuk mengimplementasikan aspek-aspek undang-undang Syariah dalam pentadbiran negeri, sambil mengimbangnya dengan keperluan pembangunan ekonomi dan sosial. Penyertaan PAS dalam struktur jawatankuasa parlimen dan badan-badan kerajaan juga telah meningkat. Ini termasuk penglibatan dalam jawatankuasa pilihan khas, perbincangan bajet, dan proses penggubalan undang-undang. Penglibatan ini bukan sahaja membolehkan PAS mempengaruhi proses pembuatan keputusan negara, tetapi juga menunjukkan komitmen parti terhadap proses demokrasi dan pentadbiran yang telus. Evolusi PAS dalam sistem demokrasi juga tercermin dalam cara parti ini menangani isu-isu kontroversi. Walaupun masih berpegang pada prinsip-prinsip Islam, PAS semakin menunjukkan kesediaan untuk berkompromi dan mencari penyelesaian yang boleh diterima dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia. Ini termasuk pendekatan yang lebih pragmatik terhadap isu-isu seperti hubungan antara kaum dan agama, serta pelaksanaan undang-undang Islam dalam konteks negara sekular.

Yang terakhir, tanda-tanda peralihan awal ke arah Pasca Islamisme adalah penekanan pada nilai-nilai *universal* Islam. Penekanan PAS pada nilai-nilai *universal* Islam menandakan satu peralihan penting dalam pendekatan dan wacana parti. Dari fokus awal yang lebih tertumpu pada pelaksanaan undang-undang Syariah secara literal, PAS kini memberi penekanan yang lebih besar kepada nilai-nilai *universal* seperti keadilan, integriti, dan kebajikan. Keadilan, sebagai contoh, tidak lagi hanya dibincangkan dalam konteks perundangan Islam, tetapi dikaitkan dengan isu-isu kontemporari seperti kesaksamaan ekonomi dan tadbir urus yang baik. Integriti pula dijadikan teras dalam wacana tentang kepimpinan dan pentadbiran, dengan PAS menggunakan contoh-contoh dari sejarah Islam untuk menggambarkan kepentingan pemimpin yang berintegriti.

Konsep kebajikan dan tanggungjawab sosial dalam Islam juga menjadi semakin menonjol dalam retorik PAS. Parti ini mula menggunakan konsep-konsep seperti zakat dan sedekah untuk menggambarkan sistem kebajikan sosial yang komprehensif dalam Islam, sambil mengaitkannya dengan isu-isu semasa seperti pembasmian kemiskinan dan penjagaan kesihatan. PAS juga mempromosikan pendekatan pembangunan yang lebih holistik, yang menggabungkan pembangunan material dengan pembangunan spiritual, mencerminkan usaha untuk mengimbangi tuntutan modeniti dengan nilai-nilai tradisional Islam. Peralihan ini membolehkan PAS untuk terlibat dalam dialog antara agama dan budaya dengan lebih berkesan, membuka ruang untuk kerjasama dan persefahaman yang lebih baik dalam

masyarakat majmuk Malaysia. Selain itu, parti ini boleh memberi respons yang lebih relevan terhadap isu-isu global seperti perubahan iklim dan ketidaksamaan global, mengaitkan prinsip-prinsip Islam dengan penyelesaian untuk cabaran-cabaran ini. Dalam bidang pendidikan, PAS menekankan pembangunan modal insan yang seimbang, menggabungkan nilai-nilai Islam dengan pengetahuan moden.

Penekanan pada nilai-nilai *universal* Islam ini memberi impak signifikan terhadap dasar dan strategi politik PAS. Hal ini menyebabkan parti ini boleh meluaskan rayuannya kepada segmen masyarakat yang lebih luas, termasuk bukan Muslim dan golongan muda. Walau bagaimanapun, cabaran tetap wujud dalam mengimbangi idealisme Islam dengan keperluan politik pragmatik. Kejayaan PAS dalam mengekalkan keseimbangan ini akan menentukan peranannya dalam membentuk masa depan politik Malaysia sambil tetap mempertahankan identiti Islamnya dalam konteks masyarakat yang semakin kompleks dan pelbagai. Peralihan ini mencerminkan respons PAS terhadap realiti politik dan sosial Malaysia yang semakin kompleks. Walau bagaimanapun, peralihan ini tidak berlaku tanpa cabaran. PAS masih menghadapi tekanan dalaman dari ahli-ahli yang lebih konservatif yang ingin mengekalkan pendekatan Islamisme tradisional. Selain itu, parti ini juga perlu mengimbangi identiti Islamnya dengan keperluan untuk meraih sokongan yang lebih luas dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Sejarah penubuhan Parti Keadilan Rakyat (PKR)

Parti Keadilan Rakyat (PKR) mempunyai sejarah yang unik dan signifikan dalam landskap politik Malaysia. Parti ini ditubuhkan pada tahun 1999, pada mulanya dikenali sebagai Parti Keadilan Nasional sebagai respons terhadap pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Penubuhan PKR mencerminkan kebangkitan gerakan reformasi yang menuntut perubahan dalam sistem politik dan pentadbiran negara.

Pada awal penubuhannya, PKR banyak memberi tumpuan kepada isu-isu berkaitan dengan pemecatan Anwar Ibrahim dan tuntutan untuk reformasi politik. Parti ini menjadi pusat tumpuan bagi penyokong Anwar dan mereka yang menginginkan perubahan dalam sistem pemerintahan negara. PKR menghadapi cabaran besar dalam pilihan raya awal, terutamanya dalam Pilihan Raya Umum 1999, di mana parti ini hanya berjaya memenangi lima kerusi parlimen.

Pada tahun 2003, Parti Keadilan Nasional bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia untuk membentuk Parti Keadilan Rakyat (PKR), menandakan satu fasa baru dalam perkembangan parti. Penggabungan ini bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan parti dalam politik pembangkang Malaysia. Sejak itu, PKR telah berkembang menjadi salah satu parti pembangkang utama di Malaysia, menarik sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat.

Pilihan Raya Umum 2008 menjadi titik perubahan bagi PKR, di mana parti ini berjaya meraih kemenangan yang signifikan, membentuk sebahagian daripada Pakatan Rakyat bersama-sama dengan DAP dan PAS. Kejayaan ini menandakan peningkatan sokongan rakyat terhadap agenda reformasi PKR dan pembangkang secara umumnya. Dalam pilihan raya seterusnya, PKR terus memainkan peranan penting dalam politik pembangkang Malaysia. PKR terkenal dengan agendanya yang menekankan keadilan sosial, reformasi politik, dan perjuangan

menentang rasuah. Parti ini telah berusaha untuk menarik sokongan merentas kaum dan agama, memposisikan parti mereka sebagai parti *multiracial* yang memperjuangkan kepentingan semua rakyat Malaysia. Pendekatan ini telah membolehkan PKR untuk meluaskan asas sokongannya di luar kawasan bandar dan mencabar dominasi Barisan Nasional di beberapa negeri.

Sepanjang perkembangannya, PKR telah menghadapi pelbagai cabaran dalaman dan luaran, termasuk perpecahan dalam parti dan tekanan politik. Namun, parti ini tetap bertahan sebagai salah satu kuasa utama dalam politik pembangkang Malaysia. Peranan PKR dalam pembentukan Pakatan Harapan dan kemenangan bersejarah dalam Pilihan Raya Umum 2018, yang membawa kepada perubahan kerajaan pertama dalam sejarah Malaysia, menandakan satu pencapaian besar dalam sejarah parti ini.

PKR terus memainkan peranan penting dalam politik Malaysia, meneruskan agenda reformasinya dan berusaha untuk membawa perubahan dalam sistem pemerintahan negara. Evolusi PKR dari sebuah gerakan reformasi kepada parti politik utama mencerminkan perubahan dinamik dalam landskap politik Malaysia dan aspirasi rakyat untuk sistem politik yang lebih terbuka dan bertanggungjawab (Syed Husin Ali 2024).

Pemikiran Pasca Islamisme dalam PKR

Pemikiran Pasca-Islamisme dalam PKR mencerminkan evolusi dan adaptasi ideologi politik Islam dalam konteks Malaysia yang majmuk. Walaupun PKR bukan parti Islam secara eksplisit seperti PAS, pemikiran Pasca-Islamisme dapat dilihat dalam pendekatan dan dasar-dasar parti ini, terutamanya melalui kepimpinan dan pengaruh Anwar Ibrahim.

Anwar Ibrahim sebagai figura utama di belakang penubuhan PKR, membawa bersamanya latar belakang dalam gerakan Islam dan pengalaman dalam pemerintahan. Pemikiran Pasca-Islamisme dalam PKR dapat dilihat melalui pendekatan parti yang cuba mengintegrasikan nilai-nilai Islam dengan prinsip-prinsip demokrasi moden dan hak asasi manusia (Azizi & Takiyuddin 2020). PKR menekankan keadilan sosial, kebebasan, dan kesaksamaan nilai-nilai yang selaras dengan ajaran Islam tetapi dirangka dalam bahasa *universal* yang boleh diterima oleh semua kaum dan agama di Malaysia.

Pendekatan PKR terhadap isu-isu berkaitan Islam cenderung lebih inklusif dan pragmatik berbanding pendekatan tradisional. Parti ini memperjuangkan pentafsiran Islam yang progresif dan sesuai dengan realiti masyarakat majmuk Malaysia. Ini termasuk sokongan terhadap hak-hak wanita, kebebasan beragama, dan dialog antara agama - aspek-aspek yang mencirikan pemikiran Pasca-Islamisme. Dalam dasar ekonominya, PKR menggabungkan prinsip-prinsip ekonomi Islam seperti keadilan sosial dan pengagihan kekayaan yang saksama dengan model ekonomi moden. Ini mencerminkan usaha untuk menyesuaikan prinsip-prinsip Islam dengan realiti ekonomi global. PKR juga menekankan kepentingan tadbir urus yang baik dan anti-rasuah, mengaitkannya dengan nilai-nilai etika Islam tetapi menetapkan dalam konteks *universal*. Pendekatan ini membolehkan PKR menarik sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat, termasuk bukan Muslim.

Dalam isu-isu berkaitan undang-undang Syariah, PKR mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dan pragmatik, mencari keseimbangan antara aspirasi umat Islam dan realiti

masyarakat majmuk Malaysia. Parti ini cenderung untuk memberi penekanan kepada aspek-aspek Maqasid Syariah (objektif Syariah) yang lebih luas berbanding pelaksanaan literal undang-undang Islam. Pemikiran Pasca-Islamisme dalam PKR juga tercermin dalam pendekatan parti terhadap hubungan antara kaum dan agama. PKR mempromosikan model keharmonian sosial yang berasaskan persefahaman bersama dan menghormati kepelbagaian, sambil tetap mengiktiraf kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Analisis Perbandingan Pemikiran Pasca Islamisme antara PAS dan PKR

Pemikiran Pasca-Islamisme dalam PAS dan PKR menunjukkan dua pendekatan berbeza terhadap integrasi nilai-nilai Islam dalam politik Malaysia moden. Walaupun kedua-dua parti menunjukkan ciri-ciri Pasca-Islamisme terdapat perbezaan ketara dalam penekanan dan pelaksanaan mereka.

PAS pada asalnya berakar umbi dalam tradisi Islamisme dengan penekanan kepada penubuhan negara Islam yang berpandukan syariah. Namun, dalam dekad-dekad terakhir, PAS telah menunjukkan perubahan ke arah interpretasi yang lebih fleksibel dan pragmatik terhadap Islam dalam politik. PAS masih menekankan pelaksanaan undang-undang syariah sebagai asas pentadbiran negara. Walau bagaimanapun, terdapat usaha untuk menjelaskan syariah dengan cara yang lebih luas dan pragmatik seperti melalui konsep Maqasid Syariah (tujuan-tujuan syariah) yang menekankan keadilan, kebajikan, dan kemaslahatan umum. PAS telah bergerak dari konsep negara Islam tradisional kepada idea “negara berkeadilan”. Ini mencerminkan usaha untuk menyesuaikan aspirasi politik dengan realiti semasa dan tuntutan pengundi yang lebih inklusif dan pluralistik.

Walaupun PAS semakin inklusif dalam pendekatannya, PAS masih memberi keutamaan kepada identiti Islam dan hak-hak orang Melayu. Ini termasuk dalam konteks kerjasama politik di mana PAS lebih cenderung bekerjasama dengan parti-parti yang mempunyai agenda Islam. PAS menggabungkan prinsip-prinsip ekonomi Islam dengan model pembangunan moden. Fokus utamanya adalah pada kebajikan sosial dan keadilan ekonomi, sejajar dengan prinsip-prinsip Islam. PAS mengaitkan integriti dan anti-rasuah dengan ajaran Islam menekankan pentingnya pentadbiran yang bersih dan amanah sebagai sebahagian daripada kewajipan agama. PAS semakin terbuka terhadap isu-isu hak asasi manusia namun masih dalam kerangka Islam. Pendekatannya lebih berhati-hati dalam mengimbangi antara hak individu dan kepentingan masyarakat berdasarkan nilai-nilai Islam.

PAS berusaha mengimbangi tradisi Islam dengan tuntutan modeniti. Ini termasuk penerimaan teknologi dan inovasi selagi tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. PAS masih menggunakan retorik Islam sebagai asas wacana politiknya, tetapi semakin cuba menggunakan bahasa yang lebih *universal* untuk menarik pelbagai lapisan masyarakat. PAS lebih terbuka untuk bekerjasama dengan parti-parti bukan Islam, tetapi terdapat had-had tertentu dalam kerjasama ini terutama apabila melibatkan prinsip-prinsip asas Islam.

PKR berlandaskan prinsip-prinsip *universal* dengan pengaruh Islam, tetapi bukan parti Islam secara eksplisit. PKR lebih menekankan nilai-nilai keadilan sosial, hak asasi manusia, dan demokrasi. PKR mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati terhadap pelaksanaan undang-undang syariah, dengan fokus pada Maqasid Syariah berbanding pelaksanaan literal.

Ini mencerminkan usaha untuk mengimbangi antara keperluan masyarakat pelbagai agama dan etnik. PKR mempromosikan konsep negara sekular dengan nilai-nilai Islam yang *universal*. Pendekatannya lebih inklusif dan menekankan keadilan untuk semua rakyat tanpa mengira agama dan etnik.

PKR menekankan keharmonian antara kaum dan agama dengan pendekatan yang lebih pluralistik. Parti ini berusaha untuk merangkum semua lapisan masyarakat dalam agenda politiknya. PKR menekankan keadilan sosial dan ekonomi berasaskan nilai-nilai *universal* dan Islam. Fokusnya adalah pada pengagihan kekayaan yang adil dan pembangunan yang inklusif. PKR mempromosikan tadbir urus baik dan anti-rasuah sebagai prinsip *universal*. Ini termasuk usaha untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan. PKR memperjuangkan hak asasi dan kebebasan individu secara lebih meluas. Ini termasuk hak-hak wanita, kebebasan beragama, dan kebebasan bersuara.

PKR lebih terbuka terhadap idea-idea moden dan progresif. Parti ini menekankan kepentingan inovasi dan teknologi dalam usaha memajukan negara. Dalam wacana politiknya, PKR menggunakan pendekatan bahasa yang lebih inklusif dan sekular yang mencerminkan usaha untuk menarik sokongan dari semua lapisan masyarakat, tanpa mengira agama dan etnik. PKR juga aktif dalam membentuk kerjasama merentas parti dan ideologi. Ini termasuk kerjasama dengan parti-parti yang mempunyai pelbagai latar belakang ideologi dalam usaha untuk mencapai matlamat politik yang lebih besar. Keseluruhan analisis disimpulkan seperti jadual di bawah.

Jadual 2 : Analisis Perbandingan Pasca Islamisme antara PAS dan PKR

Aspek	PAS	PKR
Asas Ideologi	Berakar umbi dalam tradisi Islamisme, tetapi bergerak ke arah interpretasi yang lebih fleksibel	Berlandaskan prinsip-prinsip <i>universal</i> dengan pengaruh Islam, tetapi bukan parti Islam secara eksplisit
Pendekatan terhadap Undang-undang Syariah	Masih menekankan pelaksanaan undang-undang Syariah, tetapi dengan interpretasi yang lebih luas dan pragmatik	Mengambil pendekatan lebih berhati-hati, fokus pada Maqasid Syariah berbanding pelaksanaan literal
Konsep Negara Islam	Bergerak dari konsep negara Islam tradisional kepada idea “negara berkeadilan”	Mempromosikan negara sekular dengan nilai-nilai Islam yang <i>universal</i>
Hubungan Antara Kaum dan Agama	Semakin inklusif, tetapi masih memberi keutamaan kepada identiti Islam.	Menekankan keharmonian antara kaum dan agama, dengan pendekatan yang lebih pluralistik.
Pendekatan Ekonomi	Menggabungkan prinsip ekonomi Islam dengan model pembangunan moden.	Menekankan keadilan sosial dan ekonomi berasaskan nilai-nilai <i>universal</i> dan

Tadbir Urus dan Anti-Rasuah	Mengaitkan integriti dan anti-rasuah dengan ajaran Islam.	Islam Mempromosikan tadbir urus baik dan anti-rasuah sebagai prinsip <i>universal</i> .
Hak Asasi dan Kebebasan Individu	Semakin terbuka terhadap isu-isu hak asasi, tetapi masih dalam kerangka Islam.	Memperjuangkan hak asasi dan kebebasan individu secara lebih meluas.
Pendekatan terhadap Modernisasi	Berusaha mengimbangi tradisi Islam dengan tuntutan modeniti.	Lebih terbuka terhadap idea-idea moden dan progresif.
Wacana Politik	Masih menggunakan retorik Islam, tetapi semakin <i>universal</i> .	Menggunakan bahasa yang lebih inklusif dan sekular.
Kerjasama Politik	Terbuka untuk bekerjasama dengan parti-parti bukan Islam, tetapi masih ada had-had tertentu.	Aktif dalam membentuk kerjasama merentas parti dan ideologi.

Walaupun kedua-dua PAS dan PKR menunjukkan ciri-ciri pasca-Islamisme, pendekatan yang diambil kedua-dua parti ini berbeza. PAS bergerak secara perlahan dari tradisi Islamisme ke arah yang lebih sederhana, manakala PKR mengambil pendekatan yang lebih liberal dan inklusif sejak awal. Perbezaan ini menggambarkan kepelbagaian dalam tafsiran serta pelaksanaan pemikiran pemikiran pasca-Islamisme dalam konteks politik Malaysia.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Pemikiran pasca-Islamisme dalam PAS dan PKR menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam pendekatan mereka terhadap integrasi nilai-nilai Islam dalam politik Malaysia moden. PAS yang pada asalnya berakar umbi dalam tradisi Islamisme telah menunjukkan evolusi ke arah yang lebih fleksibel dan pragmatik terutamanya melalui penekanan kepada konsep “negara berkeadilan” dan interpretasi yang lebih luas terhadap undang-undang syariah. Sebaliknya, PKR sejak penubuhannya telah menekankan prinsip-prinsip *universal* dengan pengaruh Islam tanpa menjadi parti Islam secara eksplisit dan berusaha untuk mengimbangi antara keperluan masyarakat pelbagai agama dan etnik. Kedua-dua parti ini dijangka akan terus memainkan peranan penting dalam membentuk landskap politik Malaysia dengan PAS berusaha untuk mengekalkan identitinya sebagai parti Islam yang sederhana, manakala PKR berusaha untuk menarik sokongan dari semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan etnik. Pendekatan pasca-Islamisme yang diambil oleh PAS dan PKR mencerminkan perubahan dinamik dalam politik Malaysia di mana nilai-nilai Islam digabungkan dengan prinsip-prinsip demokrasi dan hak asasi manusia untuk mencipta satu bentuk politik yang lebih inklusif dan responsif. Ini boleh membawa kepada peningkatan keharmonian antara kaum dan agama, serta pengukuhan prinsip-prinsip demokrasi dan keadilan sosial dalam pentadbiran negara. Secara keseluruhannya, peralihan ini mencerminkan

kematangan politik Malaysia dan keupayaan parti-parti politik untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan dan harapan rakyat dalam era moden.

Rujukan

- Anon. 2023. Parti Islam Se Malaysia (PAS): Sejarah PAS. <https://pas.org.my/kenali-pas/> [20 Mei 2024].
- Bayat, Asef. 2013. *Post-Islamism: The Many Faces of Political Islam*. Oxford University Press.
- Ibnu Hasyim. 1993. *PAS- Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan*. GG Edar: Kuala Lumpur
- Mohd Azizi & Muhammad Takiyuddin Ismail. 2020. Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan intelektual Liberal: Kelahiran dan Evolusi Idea. *Akademika* 90(1): 165-179
- Mohd Fadhli Ghani. 2019. *PAS-1951-1957: Penubuhan, Dinamisme, Organisasi, Kepimpinan dan Ideologi*. KUIZM Publications, Taman Melewar.
- Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Sadad Mahmud & Nur Azuki Yusuff. 2020. *PAS menjelang Pilihan Raya Umum*. Kota Bharu: Penerbit UMK, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Izani Mohd Zain. 2017. Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam kerjasama politik di Malaysia, 1999-2015. Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Faisal Ashaari, Nor Syuhada Roslan & Zulkefli Aini. 2020. Hubungan PAS dengan Non-Muslim Dalam Persaingan Politik Islam di Malaysia 1951-2020. *Al-Hikmah* 12(2): 93-114.
- Muhammad Faiz Mukmin A.M & Wan Fariza Alyati. W.Z. 2015. Pasca Islamisme dalam PAS: Analisis Terhadap Kesan Tahalluf Siyasi. *International Journal of Islamic Thought* 8: 52-60.
- Nabir Abdullah. 1976. *Maahad II Ihya as-Syariff 1934-1969*, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Husin Ali. 2024. Sejarah Parti Keadilan Rakyat (PKR). <https://keadilanrakyat.org/info-parti/sejarah/> [20 Mei 2024].
- Wan Ahmad Fahmi. 2017. Pemikiran Pasca Islamisme dalam Konteks Gerakan Islam di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 9(2):309-319
- Wan Ahmad Fahmi. 2018. Pemikiran pasca-Islamisme dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Disertasi sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.